

## **APLIKASI ISTILAH “*QIRAA’AT AL-JAMA’AH*” DALAM KITAB I’RAB AL QURAN AL-NAHHAS**

**Fairuz A. Adi<sup>1</sup>**  
**Zainora Binti Daud<sup>2</sup>**  
**Muhd Izzat Ngah<sup>3</sup>**

### *Abstrak*

“*Qiraat al-jama’ah*” merupakan satu istilah yang popular di sisi ulama qiraat. Ia merupakan satu istilah yang digunakan oleh pengkarya dalam menapis lambakan riwayat-riwayat *qira’at* dan mengasingkan antara yang sahih dan yang tidak sahih. Abu jaafar al-Nahhas tidak ketinggalan menggunakan istilah *qira’at al-jama’ah* dalam perbahasan beliau terhadap ayat-ayat al-Quran yang diisi dengan wajah-wajah *qira’at*. Apa yang menjadi isu dalam penulisan ini adalah perbezaan kefahaman dan penggunaan di sisi al-Nahhas berbanding ulama lain. Kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis kefahaman dan penggunaan al-Nahhas mengenai istilah ini melalui penulisan beliau dalam kitab I’rab al-Qur'an. Kajian ini merupakan kajian teks yang menjadikan kitab I’rab al-Qur'an oleh al-Nahhas sebagai subjek utama. Pendapat-pendapat al-Nahhas terhadap ayat-ayat yang mempunyai perselisihan *qira’at* dikumpul dan dianalisis. Hasil kajian ini menunjukkan penggunaan istilah *qira’at al-jama’ah* adalah sama maksud dengan *al-qiraat al-mutawatirah* iaitu *qira’at* yang diriwayatkan oleh sekumpulan manusia yang ramai di mana ia tidak mungkin didustakan. Diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat kepada pengkaji dan peminat pengajian islam khususnya dalam lapangan ilmu *qira’at* dalam memahami metod serta penggunaan istilah ‘*qir’aat al-jama’ah*’ yang diaplikasikan oleh al-Nahhas dalam karya beliau ini.

**Keyword:** *qiraat al-jama’ah, ilmu qira’at, al-Nahhas, rukun qira’at, ikhtiyar al-qira’at*

---

<sup>1</sup> Pensyarah di Jabatan Tahfiz al-Qur'an dan al Qira'at, Akademi Islam, KUIS.

<sup>2</sup> Pensyarah di Jabatan Tahfiz al-Qur'an dan al Qira'at, Akademi Islam, KUIS.

<sup>3</sup> Pensyarah di Pusat pengajian Teras, KUIS

## Pengenalan

Istilah *qira'at al-jama'ah* adalah istilah yang merujuk kepada salah satu kaedah khas para ulama *qira'at* yang mereka namakan sebagai *dawabit al-ikhtiyar*. Objektif penggunaan *dawabit al-ikhtiyar* adalah untuk menjaga riwayat-riwayat *qira'at* dalam masa yang sama bertujuan untuk mengasingkan antara *qira'at* sahih dan tidak sahih. *dawabit ikhtiyar* ini digunakan dalam dua peringkat. Peringkat pertama adalah bertujuan untuk mengasingkan dari *qira'at* yang sahih dari riwayat-riwayat *qira'at* yang bercampur. Pada peringkat kedua pula, *dawabit al-ikhtiyar* digunakan untuk mengenal pasti bacaan yang menepati kefasihan dalam pertuturan dan kedah bahasa arab dan istilah Qiraat al-Jamah digunakan oleh ulama qiraat dalam kategori kedua.

Al-Nahhas merupakan salah seorang pengkarya yang telah menggunakan istilah *qira'at al-jama'ah* dalam banyak tempat di dalam kitab beliau I'rab al-Qur'an. Isu dalam kertas kerja ini adalah perbezaan penggunaan istilah oleh Al-Nahhas dengan apa yang telah dipraktis oleh para ulama *qira'at*. Oleh itu, objektif utama penulisan kertas kerja ini mengkaji pemahaman serta penggunaan istilah “*qira'at al-jama'ah* oleh Al-Nahhas sebagai salah satu syarat untuk melayakkan sesuatu *qira'at* itu diterima sebagai bacaan al-Quran. Ia merupakan syarat yang berbeza dengan apa yang di ijma' oleh ulama-ulama *qira'at* lain iaitu sesuatu kalimah *qira'at* itu mesti mutawatir atau sah sanad untuk layak dikategorikan sebagai kalimah quraniyyah yang sah disamping *qira'at* itu mesti menepati tulisan mushaf uthmani dan mempunyai kaedah dalam bahasa Arab.

## Definisi *Qira'at al-Jama'ah*

Istilah ini dikesan penggunaannya pada karya-karya yang membicarakan ikhtiyar *qira'at* kurun ke 3 hijrah yang dipelopori oleh al-Qasim bin Sallam, abi Hatim dan diteruskan oleh generasi ulama selepas mereka.

Makki bin Abi Talib telah merungkai permasalahan mengenai istilah *qira'at al-jamaah* dengan membuat rumusan bahawa *qira'at al-jama'ah* adalah sinonim kepada istilah *qira'at 'ammah* di mana kedua-dua istilah tersebut membawa maksud

“kesepakatan bacaan ahli madinah dan ahli kufah” atau “ kesepakatan bacaan ulama qira’at dari tanah haram” atau “kesepakatan bacaan ulama tanah haram dengan imam ‘Asim ”.<sup>4</sup>

Oleh itu terdapat perbezaan penggunaan di sisi al-Nahhas mengenai istilah *qira’at al-jam’ah* dimana beliau menggunakan sebagai rukun asas dalam menerima *qira’at sahihah* sedangkan rukun tersebut digunakan oleh ulama ikhtyar untuk menapis riwayat yang sudah terbukti sahih bagi mendapatkan *qira’at* yang paling kuat tahap kesahihanya.

### **Pengenalan Serta Biografi Ringkas Al-Nahhas dan Karyanya I’rab Al-Quran**

Beliau ialah Ahmad bin Muhammad bin Isma’il bin Yunus *al-Muradi al-Nahwi al-Misri*. Gelaran yang sering gunakan ialah Abū Ja’far atau Ibn al-Nahhās. Beliau juga dikenali sebagai al-Nahhas atau al-Saffar.<sup>5</sup> Tarikh lahir dan tempat membesar beliau tidak disebutkan secara terperinci oleh pengarang kitab-kitab *Iabaqat* dan *tarjim* kecuali mereka menyatakan bahawa Abū Ja’far al-Nahhās lahir di Mesir. Menurut Dr. Yahya Murad dalam mukadimah kitab *Ma’ni al-Qur’ān* karangan al-Nahhās “sebahagian ulama menyatakan bahawa Abū Ja’far al-Nahhās lahir pada tahun 260 hijriyyah”.<sup>6</sup>

Al-Nahhās memulakan pencarian ilmu ketika masih di Mesir seterusnya berhijrah ke Baghdad. Di samping itu Al-Nahhas telah mengunjungi Kufah, Basrah, Anbar, Ghazza dan Ramallah untuk mengambil manfaat dari ulama-ulama yang terdapat pada kawasan tersebut. Al-Nahhas telah berguru dengan 22 orang ulama dari pelbagai bidang ilmu dan berjaya melahirkan ribuan pelajar dalam pelbagai lapangan.

I’rab al-Quran adalah salah satu judul dari lima puluh karya yang telah dihasilkan oleh Al-Nahhas . Perbahasan kitab ini adalah mengenai i’rab ayat-ayat al-Quran bermula dari surah al-Fatihah hingga ke akhir surah al-Nas. Walaupun fokus kitab ini tertumpu pada i’rab ayat, perbicangan mengenai ilmu *qira’at* juga menjadi keutamaan

<sup>4</sup> Makki abi Talib, *al-Ibanah ‘an Ma’ani al-Qira’at*, 2007, Mesir, Dar al-Sahabah li al-Turath, hlm. 34. *Abnā’ al-Zamān*, Dar Øadir, <sup>5</sup> Ibn Khallikan, Ahmad bin Muhammad, *Wafiyat al-A’yān wa Anbā’ Bayrūt*, 1968, hlm. 100.

<sup>6</sup> al-Nahhās, Abū Ja’far, Ahmad bin Muhammad, *Ma’ni al-Qur’ān*, DÉr al-Hadthāh, Kaherah. 2004, jil. 1. Hlm. 8

dalam perbahasan beliau. Setiap bacaan *qira'at* tidak sunyi dari pendapat dan komentar dari beliau.

### **Sumber Rujukan Kitab I'rab Al-Quran**

Penulis mendapati kitab *I'rÉb al-Qur'Én* ini menampilkan dua jenis rujukan iaitu berbentuk karya serta riwayat lisan atau disebut *shafawiyyah*. Dua jenis rujukan ini bersumber dari tiga aliran iaitu dari ulama Basrah, Kufah dan Baghdad

Antara rujukan bertulis dari Basrah adalah al-Kitab karangan Sibawayh, al-'Ayn oleh Khalil bin Ahmad, Masa'il al-Kabir oleh al-Akhfash, Ma'ani al-Qur'an dan kitab Ma Yansarif wa Ma la Yansarif hasil karya al-Zajjah. Riwayat shafawiyyah dari Basrah pula di ambil dari Muhammad al-Walid, Abu Ishaq al-Zajjaj dan Ali bin Sulaiman al-Akhfash.<sup>7</sup>

Rujukan beliau dari ulama-ulama Kufah adalah seperti Kitab Ma'Éni al-Qur'Én, Ma'Édir li al-Qur'Én dan al-Maqṣ̄er wa al-Mamd̄ed ketiga-tiga dari tersebut oleh al-FarrÉ, al-QirÉt dan al-Ghar̄eb al-Musannif oleh Ab̄ Ubayd al-Q̄sim bin Sal̄im dan kitab al-QirÉt oleh Ibn Sa'adan al-Nahw. Manakala riwayat shafawiyyah yang bersumber dari ulama kufah adalah dari Niflawayh Ibrahim bin Muhammad bin Arafah dan imam Ibn Rustam Ahmad bin Muhammad bin al-Ùabari.

Rujukan secara lisan kitab I'rab al-Quran dari ulama aliran Baghdad yang direkodkan adalah dari Ali bin Muhammad bin Ahmad bin KaysÉn al-Harabi dan Ab̄ Bakr Ahmad bin Shuqayr al-BaghdÉdi

### **Rukun Al-Qira'at Menurut Al-Nahhas Dan Ulama-Ulama Qira'at .**

Rukun *al-qira'at* atau disebut sebagai *dawabit al-qabul* merupakan garis panduan yang telah disusun oleh ulama-ulama *qira'at* dalam menerima dan mengiktiraf sesuatu bacaan *qira'at* untuk dikategorikan sebagai al-Quran. Ini bermaksud setiap kalimah *qira'at* itu mesti memenuhi setiap rukun yang digariskan. Jika tidak

---

<sup>7</sup> Al-Nahhas, *I'rÉb al-Qur'Én* al-NahhÉs. 2005. °Ólam al-KitÉb, BayrÉt. Hlm. 30. Tahkik Zuhayr GhÉzi ZÉhid kitab Cet 1

memenuhi salah satu rukun yang digariskan, maka bacaan itu tidak dikategorikan sebagai bacaan al-Quran malah dikategorikan sebagai *qira'at syaz*.

Secara ringkas, terdapat tiga rukun yang telah digariskan untuk menentukan kesahihan sesuatu bacaan *qira'at*. Al-Nahhas dalam kitabnya *i'rab al-Quran* secara tidak langsung telah menggariskan tiga rukun yang perlu dimiliki oleh setiap bacaan *qira'at* untuk diterima pakai sebagai bacaan al-quran. Tiga rukun tersebut adalah seperti di bawah:

### ***Qir'Et yang Menetapi QiyEs<sup>8</sup> Bahasa Arab yang Biasa Digunakan serta Masyhur<sup>9</sup>***

Sebagai contoh firman Allah S.W.T surah al-A<sup>c</sup>rEf ayat 143:

فَلَمَّا آتَقَ قَالَ سُبْحَنَكَ تُبْتُ إِلَيْكَ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُؤْمِنِينَ<sup>10</sup>

Mengenai ayat di atas al-NahhEs menyatakan bahawa bacaan imam NÉfi<sup>c</sup> pada kalimah (وَأَنَا أَوَّلُ الْمُؤْمِنِينَ) dengan *ithbat* huruf (ا) adalah *lughah shÉdhah* yang terkeluar dari *qiyEs* bahasa Arab.

Kata Al-Nahhas :

“Imam NÉfi<sup>c</sup> membaca (وَأَنَا أَوَّلُ الْمُؤْمِنِينَ) dengan *ithbat* huruf (ا) ketika bacaan sambung dan yang utama adalah huruf (ا) itu dibuang ketika bacaan tersebut. Mengingkatkan huruf tersebut merupakan bahasa yang *shÉdh* dan terkeluar dari *qiyEs* kerana (ا) itu didatangkan untuk menjelaskan baris *fathah*.”<sup>11</sup>

### ***Qir'Et yang Menepati MaîÉhif<sup>c</sup> UthmÉni<sup>12</sup>***

Sebagai contoh perbahasan beliau dalam firman Allah S.W.T

<sup>8</sup> *QiyEs* dalam ilmu bahasa arab merupakan satu proses menyamakan sesuatu kaedah atau hukum menurut gaya bahasa yang dipertutur oleh orang arab samada dari segi bentuk kalimah, tertib huruf dan sebagainya. (Muhd. SamEr Najib, *Mujam Musâlahat al-Nahwiyyah wa al-Øarfîyyah*, Muassasah al-Risâlah, BayrEt, 1985, hlm. 191)

<sup>9</sup> al-NahhEs, hlm. 800.

<sup>10</sup> Al-Quran, al-A'raf 7:143

<sup>11</sup> al-Nahhas, hlm. 345.

<sup>12</sup> *Masâhif<sup>c</sup> Uthmâni* di atas bermaksud: mashaf-mashaf yang telah ditulis dibawah seliaan sayidna Uthman pada zaman pemerintahannya. Terdapat enam mushaf telah ditulis dan dihantar ke lima buah negara iaitu Basrah, KËfah, ShÉm, Mekah dan dua buah mushaf menjadi rujukan di Madinah. (al-QÉli, Abd Fattâh, *Târîkh al-Mushaf al-Sharîf*, Maktabah al-Azhariyyah, Kaherah, T.th. hlm 26).

إِنَّا جَعَلْنَا فِي أَعْنَقِهِمْ أَغْلَالًا فَهِيَ إِلَى الْأَذْفَانِ فَهُمْ مُقْمَحُونَ<sup>13</sup>

Merujuk kepada ayat di atas, al-Nahh̄̄s di dalam kitab ini telah membawa dua riwayat yang mengandungi *qir̄'Et sh̄Edh* iaitu (أيمانهم) dan (أيديهم) sebagai bacaan alternatif kepada kalimah (أعنقهم). Seterusnya al-Nahh̄̄s berhujah bahawa kedua bacaan *qir̄'Et* tersebut menyalahi *rasm al-mâ'hab*. Al-Nahhas berkata:

“Ibnu ‘Uyaynah meriwayatkan dari ‘Amru bin Dâ’îr berkata: Ibn ‘Abbâs telah membaca dengan bentuk (إنا جعلنا في أيمانهم أغلالاً فهي الأذفان). Berkata Abî Ishaq ayat ini dibaca dengan (إنا جعلنا في أيمانهم أغلالاً). Berkata Abî Ja’far bacaan ini adalah berbentuk tafsiran dan tidak dibaca apa-apa ayat yang menyalahi tulisan *ma’hab*.”<sup>14</sup>

### ***Qir̄'Et* yang Tidak Terkeluar dari *Qir̄'Et Jamâ’ah* atau *Ummah***

Sebagai satu contoh ialah di dalam firman Allah S.W.T:

وَكَمْ أَهْلَكَنَا قَبَائِهِمْ مِنْ قَرْنٍ هُمْ أَشَدُّ مِنْهُمْ بَطْشًا فَنَقْبُوا فِي الْبَلَدِ هَلْ مِنْ حَيْصٍ<sup>15</sup>

Pada kalimah (فَنَقْبُوا) dalam ayat di atas, imam Yahya bin Ya’mar<sup>16</sup> telah membaca dengan bentuk *fīl al Amr* iaitu huruf (ف) berbaris bawah. Menurut al-Nahh̄̄s *qir̄'Et* yang dibacakan oleh imam Yahya bin Ya’mar di atas adalah *qir̄'Et* yang keluar dari *jamâ’ah* dan ia adalah suatu bacaan yang *sh̄Edh*. Kata al-Nahh̄̄s mengenai ayat di atas:

“Bacaan Yahya bin Ya’mar (فَنَقْبُوا) adalah bacaan *sh̄Edh* yang terkeluar dari *jamâ’ah* dan *qir̄'Et* ini dengan makna ancaman.”<sup>17</sup>

<sup>13</sup> Al-Quran, Yasin 36:8

<sup>14</sup> Al-Nahhas, hlm. 712

<sup>15</sup> Al-Quran, Qaf 50:36

<sup>16</sup> Beliau adalah Yahya bin Ya’mar , Abu Sulayman al-Udwani al-Basri. Seorang *tabi’ein*. Mengambil Bacaan dari Ibn ‘Amru, Ibn ‘Abbas. Abu ‘Amru al-‘Ala’ dan Ibn Abi Ishaq mengambil bacaan dari pada beliau. Beliau juga dikatakan orang pertama meletakkan titik kepada huruf-huruf al-Qur'an. wafat pada sebelum tahun 90 H. (Ibn al-Jazari, *Ghâyah al-Nihâyah fi ’Uabaqât al-Qur’ân*, jil. 2. Hlm. 331).

<sup>17</sup> Al-Nahhas 874

Imam Ibn al-Jazari berkata dalam kitabnya *al-Nashr*<sup>18</sup> bahawa rukun yang disepakati oleh ulama salaf sebelum beliau seperti imam al-Dani, Makki Abu Talib, al-Mahdawi, Abu Shamah dan lain-lain bahawa setiap *qira'at* yang sahih mesti memenuhi tiga rukun iaitu:

1. Setiap *qira'at* mesti menetapi salah satu kaedah bahasa Arab
2. Menetapi tulisan yang ada pada mana *mashaf Uthmaniah* walaupun secara *ihtimal*
3. Mempunyai sanad yang sah

Jika dibandingkan dengan apa yang diketengahkan oleh Al-Nahhas mengenai rukun *qira'at*, penulis mendapati terdapat sedikit perbezaan dalam rukun pertama iaitu mengenai keselarasan dalam kaedah bahasa Arab. Perbezaan paling ketara adalah pada rukun yang ketiga di mana beliau tidak menyebut perihal sanad dalam menerima pakai sesuatu bacaan *qira'at* tetapi menyatakan bahawa *qira'at* yang sahih perlu menepati *qira'at al-jama'ah*. Menjadi fokus utama penulis mengenai aplikasi serta pemahaman Al-Nahhas terhadap istilah *qira'at al-jamaah* melalui penulisan dan perbahasan beliau isu berkaitan dengan bacaan *qira'at*.

### **Penggunaan Istilah *Qira'at al-Jama'ah* oleh Al-Nahhas**

Al-Nahhas telah menggunakan istilah *qira'at al-jama'ah* terhadap bacaan sesuatu *qira'at* dengan maksud-maksud tertentu. Penggunaan istilah ini telah memberi kesan kepada *qira'at* yang berlawanan dengan *qira'at jama'ah*. Melalui kajian, penulis mendapati lima pendekatan Al-Nahhas dalam menggunakan istilah *qira'at jama'ah* berdasarkan penulisan beliau dalam kitab *I'rab al-Qur'an*. Lima cara tersebut berserta contoh adalah seperti mana berikut:

1. Dengan maksud banyak dari segi periwayatan. Sebagai contoh firman Allah S.W.T:

---

<sup>18</sup> Al Jazari, Muhammad bin Muhammad, T.th. *al-Nashr Fi al-Qira'at al-Ashr*, Dar al-fikr, Bayrut, jil 1. Hlm. 1

أَإِذَا كُنَّا عِظَمًا نَخْرَةً

Terdapat dua wajah bacaan pada perkataan (نَخْرَة) dalam ayat di atas sama ada dengan penambahan huruf alif selepas huruf nun (نَاخِرَة) dan tanpa alif. Abu jaafar Al-Nahhas menyatakan kedua-dua bacaan tersebut merupakan *qira'at* yang baik kerana keduanya diriwayatkan oleh *jama'ah*. Kata beliau:

صَحِيحَةُ عَنْ أَبْنَ عَبَّاسٍ رَوَاهَا أَبْنَ عَيْنَةَ عَنْ أَبْنَ عَمْرُو بْنِ دِينَارٍ عَنْ أَبْنَ الزَّبِيرِ وَمَرْوِيَةٌ عَنْ أَبْنَ عَمْرُو، وَابْنِ مُسْعُودٍ، فَهُؤُلَاءِ أَرْبَعَةٌ مِنَ الصَّحَابَةِ وَهِيَ مَعَ هَذَا قِرَاءَةِ أَبْنِ وَثَابِ وَالْأَعْمَشِ وَالْكَسَائِيِّ وَقِرَاءَةَ نَخْرَةً أَهْلَ الْحَرْمَنِ وَالْحَسْنِ وَأَبْوَ عَمْرُو فَالْقَرَاعَتُانِ حَسْنَتَانِ لِأَنَّ الْجَمَاعَةَ نَقَلَتْهُمْ<sup>19</sup>....

Maksudnya:

*Qira'at* sahih dari Ibn Abbas, diriwayatkan oleh Ibn Uyaynah dari Amr bin Dinar dari Ibn Abbas. Dan Sahih dari Ibn Zubayr yang diriwayatkan dari Umar dan Ibn Mas'ud empat orang ini merupakan dari kalangan sahabat. Dan ia adalah *qira'at* menjadi pihihan Ibn Wathab, al-A'mash, Hamzah dan Kisai.... Manakala *qira'at* (نَخْرَة) adalah bacaan ahli *Haramayn*, al-Hasan, Abu 'Amru. Maka kedua-dua bacaan tersebut adalah bacaan yang baik kerana ramai yang meriwayatkannya.

Berdasarkan dari kenyataan Al-Nahhas di atas, istilah *qira'at al-jama'ah* membawa maksud *qira'at* yang mempunyai riwayat yang banyak tanpa beliau menentukan jumlah bilangan riwayat.

2. *Qira'at al-jama'ah* dengan maksud bacaan mutawatir manakala *qira'at* yang bertentangan dihukum sebagai *shaz*.

وَكَمْ أَهْلَكَنَا قَبَائِمُهُمْ مِنْ قَرْنٍ هُمْ أَشَدُ مِنْهُمْ بَطْشًا فَنَقَبُوا فِي الْبَلَدِ هَلْ مِنْ مُحِيصٍ

Maksudnya:

Dan berapa banyak kaum-kaum (yang ingkar) yang terdahulu daripada orang-orang musyrik makkah itu kami telah binasakan. Kaum-kaum itu lebih kekuatannya (dan kehandalannya) daripada mereka, lalu kaum-kaum itu keluar mencari perlindungan di merata-rata negeri. (meskipun demikian keadaannya) dapatkah (mereka) menyelamatkan diri?

<sup>19</sup> Al-Nahhas, hlm. 1058

Pada kalimah (فَنَقَبُوا) dalam ayat di atas, imam Yahya bin Ya<sup>c</sup>mar<sup>20</sup> telah membaca dengan bentuk *fī'l al Amr* dengan huruf (ق) berbaris bawah. Menurut al-Nahhās *qir'Et* yang dibacakan oleh imam Yahya bin Ya<sup>c</sup>mar di atas adalah *qir'Et* yang keluar dari *jam'ah* dan ia adalah suatu bacaan yang *shEdh*. Kata al-Nahhās mengenai ayat di atas:

وقراءة يحيى بن يعمر فنقوبا شاذة خارجة عن الجماعة وهي على التهديد.<sup>21</sup>

Maksudnya:

Bacaan Yahya bin Ya<sup>c</sup>mar (فَنَقَبُوا) adalah bacaan *shEdh* yang terkeluar dari *jam'ah* dan *qir'Et* ini dengan makna ancaman.

Dalam perbincangan di atas, Al-Nahhas telah meletakkan satu ciri *qira'at* yang dikategorikan sebagai *shaz* iaitu *qira'at* yang terkeluar dari *jama'ah*. Ini memberi petunjuk bahawa *qira'at-qira'at* yang tidak diriwayatkan oleh *jama'ah* adalah *qira'at* yang tidak boleh dibaca kerana tidak dikira sebagai al-Qur'an. Dalam hal ni menampakkan istilah *qira'at al-jama'ah* sebagai ukuran utama kepada pengklasifikasi hukum bagi *qira'at* yang bertentangan dengan istilah tersebut.

3. *Qira'at al-jama'ah* dengan maksud kebanyakan *qurra'* membaca *qira'at* tertentu manakala *qira'at* yang bertentangan tidak diberi hukum. Sebagai contoh pada firman Allah S.W.T:

إِذَا قَضَى أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ<sup>22</sup>

Terdapat dua wajah bacaan pada kalimah (فَيَكُون). Ia dibaca dengan baris *fathah* dan baris *dommah*. Abu Jaafar Al-Nahhas menyatakan bacaan *qira'at* dengan baris *dommah* merupakan *qira'at jama'ah* manakala Ibn Amir membaca dengan *fathah*

<sup>20</sup> Beliau adalah Yahya bin Ya<sup>c</sup>mar , Abu Sulayman al "Udwani al Basri. Seorang *tabi'ein*. Mengambil Bacaan dari Ibn <sup>c</sup>Amru,Ibn <sup>c</sup>Abbas. Abu <sup>c</sup>Amru al <sup>c</sup>Ala' dan Ibn Abi Ishaq mengambil bacaan dari pada beliau. Beliau juga dikatakan orang pertama meletakkan titik kepada huruf-huruf al-Qur'an. wafat pada sebelum tahun 90 H. (Ibn al-Jazari, *GhÉyah al-NihÉyah fi ÙabaqÉt al-QurrÉ*', jil. 2. Hlm. 331).

<sup>21</sup> al-Nahhās, hlm. 874.

<sup>22</sup> Al-Quran, Maryam 19:35.

kemudian beliau beralih ke ayat seterusnya tanpa menyatakan status *qira'at* Ibn Amir tersebut. Kata Al-Nahhas :

فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ قِرَاءَةُ الْجَمَاعَةِ، وَقَرَا أَبْنُ عَامِرٍ الشَّامِيَ فِي كُونٍ.<sup>23</sup>

Maksudnya:

فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ adalah *qira'at al-jama'ah* dan Ibn Amir membaca فيكون

Dalam hal ini, walaupun *qira'at* ibn 'Amir terkeluar dari *qira'at al-jama'ah* tetapi Al-Nahhas tidak menghukumkannya sebagai *shaz*. Beliau hanya mendiamkan *qira'at* tersebut tanpa menulis apa-apa komentar atau hujah berkaitan dengannya. Mungkin yang dikomentar oleh al-Nahhas sebagai *shaz* maka dikira sebagai *qira'at shaz* tetapi *qiraat* (yang terkeluar dari *qiraat al-jama'ah*) yang beliau diamkan hukumnya belum tentu *syaz*.

4. *Qira'at al-jama'ah* dengan maksud bacaan kebanyakan imam dan *qira'at* yang bertentangan diterima kesahihannya dengan syarat tertentu. Sebagai contoh firman Allah S.W.T:

مَا يَكُونُ مِنْ نَجْوَىٰ ثَلَاثَةٍ إِلَّا هُوَ رَابِعُهُمْ...<sup>24</sup>

Merujuk pada potongan ayat al-Quran di atas, terdapat dua wajah bacaan pada kalimah sama ada dengan huruf *ta'* atau huruf *ya'*. Al-Nahhas menyatakan bahawa *qira'at* dengan huruf *ya* adalah *qira'at jamaah* dan *qira'at* dengan huruf *ta* adalah bacaan Yazid bin Qa'qa'di mana bacaan beliau menyalahi jamaah. Walaupun begitu Al-Nahhas menyatakan bahawa *qira'at* yazid bin Qa'qa harus dibaca kerana ia menepati dua rukun *qira'at* yang lain iaitu tulisan *qira'at* itu sepadan dengan *rasm Uthmani* dan bertepatan dengan bahasa Arab. Al-Nahhas berkata:

وَقَرَا يَزِيدُ بْنَ الْقَعْدَ (مَا تَكُونُ مِنْ نَجْوَىٰ ثَلَاثَةٍ) وَهَذِهِ الْقِرَاءَةُ وَإِنْ كَانَتْ مُخَالَفَةً لِحَجَةِ الْجَمَاعَةِ فَهِيَ موافِقةٌ  
للسواد جائزة في العربية<sup>25</sup>

<sup>23</sup> Al-Nahhas, hlm. 527

<sup>24</sup> Al-Quran, al-Mujadilah 58:7

<sup>25</sup> Al-Nahhas, hlm. 527

Maksudnya:

Imam Yazid bin Qa'qa telah membaca dengan (ما تكون من نجوى ثلاثة) dan qira'at ini walaupun menyalahi hujjah jamaah, ia menepati tulisan mashaf dan mempunyai keharusan dalam kaedah bahasa Arab<sup>26</sup>.

Dalam hal di atas, prinsip Al-Nahhas sedikit berbeza. Beliau menerima bacaan imam Yazid bin Qa'qa' yang bersalahan dengan *qira'at jama'ah* dengan hujah bahawa *qira'at* tersebut bertepatan dengan tulisan mushaf. Oleh itu kita dapat lihat terdapatnya pengecualian yang diberikan pada sesetengah *qira'at* jika tidak menepati hujah jaamah maka ia perlu selari dengan tulisan mashaf dan ada keharusan dalam kaedah bahasa arab bagi diterima pakai dan diiktiraf sebagai kalimah al-Quran. Perbincangan Al-Nahhas dalam perkara ini adalah sinonim dengan pendapat sebahagian ulama *qira'at* yang menyatakan keperluan kepada sanad yang bersambung disusuli dengan ketepatan *qira'at* itu dengan tulisan mushaf uthmani serta terdapat keharusan dalam bahasa arab untuk mengangkat sesuatu bacaan itu ke taraf sahih. ini bermakna terdapat dua ciri yang diletakkan oleh Al-Nahhas untuk menerima kesahihan sesuatu *qira'at* iaitu yang pertama ialah *qira'at* yang berada dalam kategori *qira'at al-jama'ah* dan tidak perlu kepada syarat yang lain. Kedua, *qira'at* yang bukan dalam kategori tersebut mesti menepati dua syarat lain seperti yang telah disebutkan sebelum ini.

5. *Qira'at al-jama'ah* dengan maksud mutawatirah dan menghukumkan *qira'at* yang bertentangan sebagai ahad sekiranya *qira'at* tersebut mempunyai sanad yg sahih. Sebagai contoh firman Allah S.W.T:

يَوْمَ يُكَشِّفُ عَنِ سَاقٍ وَيُدْعَونَ إِلَى الْسُّجُودِ فَلَا يَسْتَطِيعُونَ<sup>26</sup>

Dalam membincangkan ayat di atas, Al-Nahhas telah mendatangkan empat wajah *qira'at* yang terdapat pada kalimah (يُكَشِّفُ) selain dari bacaan (يُكَشِّفُ) di mana ke empat-empat wajah tersebut bukan bacaan mutawatir. Al-Nahhas menyatakan:

---

<sup>26</sup> Al-Quran, al-Qalam 68:42

هذه القراءة التي عليها جماعة الحجة وما يروى من غيرها يقع فيه الاضطراب، وكذا أكثر القراءات الخارجة عن الجماعة، وإن وقعت في الأسانيد الصحاح إلا أنها من جهة الأحاد.<sup>27</sup>

Maksudnya:

Qira'at yang diriwayatkan oleh *jamaah* merupakan satu hujah. Dan apa-apa yang diriwayatkan selain dari *jamaah* maka pada *qira'at* tersebut terdapat *iddirab*(, begitu juga kebanyakan *qira'at* lain yang terkeluar dari *jamaah* walaupun ia mempunyai sanad yang sah tetapi ia ia dikategorikan dalam kategori *ahad*.

Menjadi keutamaan Al-Nahhas untuk melihat keberadaan sesuatu bacaan *qira'at* itu dalam kategori *qira'at al-jama'ah* atau sebaliknya. Jika iya , maka *qira'at* tu dikira sebagai sahih tanpa melihat kepada syarat yang lain. *Qira'at* yang tidak termasuk dalam kategori *qira'at al-jama'ah* pula ia dikategorikan sebagai *qira'at ahad* jika mempunyai sanad yang sahih. Dalam kenyataan di atas Al-Nahhas tidak meletakkan apa-apa syarat tambahan kepada *qira'at* yang bertaraf *ahad* untuk diiktiraf sebagai satu bacaan yang harus di baca.

---

<sup>27</sup> Al-Nahhas, hlm. 998

## Kesimpulan

Merujuk kepada perbincangan di atas, pengunaan istilah “*qira’at al-jamaah*” di sisi al-Nahhas adalah sama maksud dengan istilah “mutawatir”. Penulis dapati bahawa jika sekiranya *qira’at* tu diriwayat dan dibacakan oleh ramai imam maka qiraat tersebut dihukum sebagai sahih tanpa melihat kepada dua rukun yang lain. Bagi qiraat yang tidak menepati qiraat al-jamaah pula maka ia diletakkan dalam kategori *qira’at* ahad serta belum dianggap sebagai sebagai *qira’at* yang boleh dibaca. Bagi al-Nahhas qiraat yang berada dalam kategori ahad mesti memenuhi dua lagi syarat iaitu menepati kaedah dalam bahasa arab dan selari dengan kaedah *rasm uthmani*. Ini bermakna al-Nahhas telah menggunakan iatilah ini sebagai syarat mengkategorikan sesuatu *qira’at* kepada sahih atau dikenali sebagai rukun *qira’at*. Berbeza dengan ulama *qira’at* lain yang menggunakan istilah ini dengan tujuan mengenal pasti *qira’at* yang paling utama kefasihan dalam pertuturan menurut kaedah bahasa Arab.

Bagi al-Nahhas *qira’at* yang dikategorikan sebagai *qira’at al-jama’ah* tidak perlu diperbincangkan dari sudut yang lain kerana periwayatan yang banyak terhadap sesuatu bacaan sudah menjadi hujah terhadap kesahihannya. Penulis berpendapat penggunaan al-Nahhas terhadap istilah ini tidak sama dengan apa yang didefinisikan oleh imam Makki bin Abi Talib. Beliau tidak melihat seperti yang dimaksudkan oleh Imam Makki bahkan bagi al-Nahhas dengan periwayatan yang banyak sudah cukup untuk mengkategorikan sesuatu *qira’at* sebagai sahih.

Metode al-Nahhas dalam perbicangan ilmu *qira’at* ini bertujuan menjaga kesucian bacaan al-Qur'an dari dicemari dengan bacaan yang tidak sah atau diragukan kesahihannya kerana bagi beliau bacaan al-Qur'an seharusnya mempunyai kedudukan yang tinggi dalam periwayatan, paling tepat penulisannya dengan kaedah *rasm* dan mempunyai kemasyhuran dalam kaedah bahasa arab.

## RUJUKAN

*Al-Quran al-Karim.*

<sup>c</sup>Abd al-<sup>c</sup>Oli al-Mas'El. 2007. *Mu<sup>c</sup>jam Mus<sup>c</sup>alah<sup>É</sup>t<sup>c</sup>Ilm al-Qir<sup>É</sup>'<sup>É</sup>t al-Qur'an<sup>'</sup>aniyyah.* Kaherah: DÉr al-SalÉm.

<sup>c</sup>Abd al-Fattah <sup>c</sup>AbbÉsh. T.th. *Haq<sup>É</sup>qah al-Ra<sup>'</sup>yu al-Basriyyin wa al-K<sup>É</sup>fiyyin fi al-Istishh<sup>É</sup>d bi al-Qir<sup>É</sup>'<sup>É</sup>t al-Qur'Éniyyah<sup>'</sup>ala Qaw<sup>É</sup>idihim al-Nahwiyyah.* Yaman: t.pt.

<sup>c</sup>Abd al-Halim bin Mohd. Al-HÉdi Qabh. 1999. *Al-Qir<sup>É</sup>'<sup>É</sup>t al-Qur'Éniyyah Tarikhuh<sup>É</sup>.* Thub<sup>É</sup>tuh<sup>É</sup>, Hujjiyatuh<sup>É</sup> wa AhkÉmu<sup>É</sup>h. Cet. 2. Bayr<sup>É</sup>t: DÉr al Gharb al IslÉmiy.

<sup>c</sup>Abd al-Karim Ibrahim Salim. T.th. *Murshid Al-A<sup>c</sup>izzah Fi Bay<sup>É</sup>n Mawqif Al-'Ulam<sup>É</sup>' Min Al-Qir<sup>É</sup>'<sup>É</sup>t al-ShÉdhah.* Tanta: Kuliyyah al-Qur'Én al-Kar<sup>É</sup>m li al-Qir<sup>É</sup>'<sup>É</sup>t wa <sup>c</sup>UlÉmiha. Uni. Al-Azhar. Tanta.

Ab<sup>É</sup> al-Hajj<sup>É</sup>j, JamÉl al-DÉn Yusuf al-Mizzi. 1992. *Tahdh<sup>É</sup>b al-Kam<sup>É</sup>l fi Asm<sup>É</sup>' al-Rij<sup>É</sup>l.* Bayr<sup>É</sup>t: Muassah al-Ris<sup>É</sup>lah. Jil. 2.

Ahmad bin Muhammad al-Banna. 1987. *Ittihaf Fudala' al-Bashar bi al-Qira'at al-<sup>c</sup>Arba'ah al-<sup>c</sup>Ashar.* Bayr<sup>É</sup>t: <sup>c</sup>Alim al-Kitab.

Ahmad Mukhtar <sup>c</sup>Umar. 1970. *TÉr<sup>É</sup>kh Lughah<sup>'</sup>Arabiyyah Fi Misr.* Kaherah: Maktabah al-<sup>c</sup>Arabiyyah.

Ahmad Sunawari Long. 2008. Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah. Fakulti pengajian Islam. Universiti kebangsaan Malaysia.

Amin bin Idr<sup>É</sup>s bin <sup>c</sup>Abd. RahmÉn Falatah. 2000. *Al-Ikhtiy<sup>É</sup>r<sup>'</sup>Inda al-Qurr<sup>É</sup>', Ma<sup>É</sup>hihi wa Mar<sup>É</sup>hilihi wa Atharihi fi al-Qir<sup>É</sup>'<sup>É</sup>t.* Tesis peringkat sarjana. Fakulti Dakwah & Usuluddin. Jab. Al-Qur'an & Sunnah. Uni. Umm al-Qura. Mekah al- Mukarramah.

al-Anb<sup>É</sup>ri. Ab<sup>É</sup> al-Barak<sup>É</sup>t. <sup>c</sup>Abd. RahmÉn bin Muhammad. 1985. *Nuzhah al-Alb<sup>É</sup>' fi <sup>'</sup>Uabaq<sup>É</sup>t al-Udab<sup>É</sup>'.* Jordan: Maktabah al Manar.

al-Astarab<sup>É</sup>dhi, Ra<sup>'</sup>hi al-DÉn, Muhammad bin al Hasan. 1982. *Syarh al-ShÉfiah Ibn al-Hajib.* Bayr<sup>É</sup>t: DÉr Kutb al-<sup>c</sup>Ilmiyyah. Jld. 1.

al-BukhÉri, AbË ¢Abdullah, Muhammad bin Isma¢il. 1400H. *ØahÊh al-BukhÉri*. Kaherah: MaÏba¢ah Salafiyyah

al-DawËdi, Muhammad bin Ahmad. 1994. *ÙabaqÉt al-MufasirÉn*. Kaherah: Maktabah Wahbah. Jil. 1.

al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad, 1995. *Ma¢rifat al-QurrÉ' al-Kibar*, Istanbul: Silsilah al-¢UyËn al Islamiyy, jil.1.

al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad bin Uthman. 1985. *SiyÉr A¢lÉm al-NubalÉ'*. BayrËt: Muassasah al-RisËlah. Jld. 10.

al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad bin Uthman. 1985. *Tarikh al-Islam wa Wafayat al-Mashahir wa al-A¢lam*. BayrËt: Dar al-Kitab al-¢Arabi. Jld. 10.

al-FarrÉ', AbË Zakariyya, Yahya bin ZiyËd. 1983. *Ma¢ani al-Quran*. BayrËt: ¢Ólim al KitËb.

al-Farmawy. ¢Abd Hayy Husayn. 2004. *Rasm al-Mushaf wa Naqtuh*. Kaherah: Maktabah Makkiyyah.

al-FÉrisi, AbË ¢Ali, al Hasan bin Ahmad. 2001. *Al-Hujjah li al-QurrÉ' al-Sab¢a*. BayrËt: ¢Ólim al-KitËb. Jil. 2.

Hamdi Sultan Hasan. T.th. *JamÉl al-AdÉ' fi TamÉm al-Waqf Wa Husn al-IbtidÉ'*. Tanta: Kuliyyah al-Qur'Ën wa al-QirËt wa ¢UlËmiha, Uni. Al AzhÉr.

al-Hamawi al-RËmi, YÉqËt bin ¢Abdullah. 1993. *Mu¢jam al-UdabÉ' IrshÉd al-ArËb fi Ma¢rifah al-AdËb*. BayrËt: DÉr al-Gharb al IslÉmiyy. Jil 1.

al-Hamawi al-Rumi, YÉqËt bin ¢Abdullah. 1977. *Mu¢jam BuldÉn*. BayrËt: DÉr al ØÉdir. Jil 4.

Hussain Unang, *Kamus at Tullab*. 1994. DarulFikir. K.Lumpur.

Ibn FaraËli, AbË al WalËd, ¢Abdullah bin Muhammad. 1966. *TÉrikh ¢UlamÉ' al-Andalus*. BayrËt: DÉr al-Misriyyah li al-Tarjamah wa al-Ta'lËf. Jil. 1.

Ibn FÉris, Ahmad bin FÉris bin Zakaria. T.th. *Mu¢jam MaqÉyis fi al-Lughah*. BayrËt: DÉr al-Fikr. Jil. 5.

Ibn Hajar al-¢Asqalani. Ahmad bin ¢Ali. 2002. *LisËn al-MizËn*. BayrËt: DÉr al-BashËir al IslÉmiyyah. Jil. 1.

al-Jawhari, Isma<sup>c</sup>El bin HammÉd. 1984. *Al-Øihhah, TÉj al-LughÉt wa Øihah al-<sup>c</sup>Arabiyyah*. BayrËt: DÉr al-<sup>c</sup>Ilm al MalayÊn, jld. 5.

Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad. T.th. *al-Nashr fi al-Qiraat al-<sup>c</sup>Ashr*. BayrËt: DÉr al-Fikr.

Ibn al-Jazari. Muhammad bin Muhammad. 2006. *GhÉyah al-NihÉyah fi ÙabaqÉt al-QurrÉ*. BayrËt: DÉr al-Kutb al-<sup>c</sup>Ilmiyyah. Jil. 1.

Ibn al-Jazari, AbË al-KhÉyr, Muhammad bin Muhammad. 2007. *Munjid al-Muqri 'Èn wa Mursyid al-ÙÉlibÊn*, Tanta: DÉr al-ØahÉbat.

Ibn Jinni, Abu al-Fath, <sup>c</sup>UthmÉn. T.th. *al-Muhtasab fi TabyÈn wujËh al-QirÉ'Et wa al-Ôlah <sup>c</sup>anha*. Kaherah: Maktabah al-Azhariyah.

Ibn Kathir, Abu al-Fida', Isma<sup>c</sup>il bin <sup>c</sup>Umar. 1998. *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-<sup>c</sup>Arabiyyah. Jil. 11.

Ibn Khayr, Muhammad bin Khayr bin <sup>c</sup>Umar. 1998. *FahrasÉt Ibn Khayr al-IshbÈlÈ*. BayrËt: DÉr al-Kutb al-<sup>c</sup>Ilmiyyah.

Ibn Khalawayh, Abi <sup>c</sup>Abd Allah al-Hasan bin Ahmad. 1990. *MukhtaÈar fi ShawÉdh al-Qur'an*. Kaherah: Maktabah al-Mutannabiyy.

Ibn MujÉhid, *al-Sab<sup>c</sup>ah fi al QirÉ'Et*. T.th. Kaherah: DÉr al Ma<sup>c</sup>Érif.

Ibn Zanjalah, AbË Zar<sup>c</sup>ah, <sup>c</sup>Abd al RahmÉn bin Muhammad. 2001. *Hujjah al-QirÉ'Et*. BayrËt: Muassasah al-RisÉlah.

Isma<sup>c</sup>El Basha al-Baghdadi. 1955. *HadÈyah al-<sup>c</sup>OrifÈn AsmÉ' al-MuallifÈn wa AthÉr al-<sup>c</sup>MuÈannifÈn*. Kaherah: Dar IhyÉ' al-ThurÉth al-<sup>c</sup>Arabiyy. Jil. 2.

Kamus dewan. 2010. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

KhÉlid bin <sup>c</sup>Abd. Rahman al <sup>c</sup>Ak. 2007. *UIÈl al-TafsÈr wa QawÉciduhu*. Damsyik: DÉr al-NafÉis.

al-KharrÉz, AbË Abdullah Muhammad bin Muhammad. 2005. *DalÈl al-HayrÈn <sup>c</sup>Ala Mawrid al-Ùam 'Èn fi Fannay al-Rasm wa al-Dabt*. Kaherah: DÉr al HadÈth.

Makki bin Abi Talib. 1997. *Al-Kasyf <sup>c</sup>an Wujuh al-QirÉ'Et al-Sab<sup>c</sup>*. BayrËt: Muassah al-RisÉlah. Jld 2.

Muhammad Ibn <sup>c</sup>Umar Salim Bazamul. 1996. *Al-QirÉ'Et wa Atharuha fi al-Tafsér wa al-Ahkam*. Sa<sup>c</sup>udi <sup>c</sup>Arabia: DÉr al-Hijrah.

Muhd. Samir Najib. *Mu<sup>c</sup>jam MusIalahÉt al-Nahwiyyah wa al-Øarfiyyah*. Bayrut: Muassasah al-Risalah.

*Mu<sup>c</sup>jam al-<sup>c</sup>Arabi al-Asasi*. T.th. T.pt: al MunaDĐamah al-<sup>c</sup>Arabiyyah li al-TarbÉyyah wa al -ThaqÉfah wa al-<sup>c</sup>UlËm.

Najimudin al GhÉzzi. T.th. *KawÉkib al-SÉ'irah bi A`yÉn al-Miah al-<sup>c</sup>Asyarah*. BayrÉt: DÉr al- Kutb al-<sup>c</sup>IlmiyyahJil. 1.

al-NahhÉs. AbË Ja<sup>c</sup>fÉr. Ahmad bin Muhammad. 2005. *I<sup>c</sup>rÉb al-Qur'Én*. BayrÉt: <sup>c</sup>Ólam al-KitÉb.

al-NahhÉs, AbË Ja<sup>c</sup>far, Ahmad bin Muhammad. 2004. *Ma<sup>c</sup>Éni al-Qur'Én*. Kaherah: DÉr al- HadtÊh. jil. 1.

al-NahhÉs, AbË Ja<sup>c</sup>far, Ahmad bin Muhammad. 1990. *SinÉc ah al-KuttÉb*. BayrÉt: DÉr <sup>c</sup>UlËm al-<sup>c</sup>Arabiyyah.

al-NahhÉs, AbË Ja<sup>c</sup>far, Ahmad bin Muhammad. 1965. *Al-Tufahah fi al-Nahw*. Baghdad: Maktabah al-cAni.

al-QÉli. Abd FattÉh T.th. *TÉrÉkh al-Mushaf al-SharÉf*. Kaherah: Maktabah al-Azhariyyah.

al-Qaisiy, Abi Muhammad Makki bin Abi Talib. 1997. *Al-Kasyfu <sup>c</sup>an WujËh al-QirÉ'Et al- Sab<sup>c</sup> wa <sup>c</sup>ilaliha wa Hijaiha*. Cet. 5. BayrÉt: Muassasah al-Risalah.

al-Qastalani, Shihab al-Din, 1972, *LaÏÉ'if al-IshÉrat li Funun al-QirÉ'Et*, Kaherah: Lahjah IhyÉ' TurÉth IslÉmiyy.

al-Qifli, Jamal al-DÉn, <sup>c</sup>Ali bin YËsuf. 1986. *InbÉh al-RuwÉh <sup>c</sup>ala AbnÉ' al-NuhÉh*. BayrÉt: DÉr al-Fikr. Jil. 3.

al-Subki, TÉj al-DÉn, <sup>c</sup>Abd. Wahb bin <sup>c</sup>Ali. T.th. *ÙabaqÉt ShÉfiyyah al-KubrÉ*. BayrÉt: DÉr al- IhyÉ' al Kutb al-<sup>c</sup>Arabiyyah. Jil. 2.

al-SuyËli, JalÉl al-DÉn, Abd. Rahman bin AbË Bakr. 1979. *Bugyah al-Wu<sup>c</sup>Éh fi ÙabaqÉt al-LughawiyyÉn wa al-NuhÉh*. BayrÉt: DÉr al-Fikr.

al-Suyu i. Jal l al-D n  abd. Rahm n. 2000. *Al-Itq n fi  Ul m al-Qur n*. Bayr t: D r Ibn kath r. Jil 1.

al-Suy i, Jal l al-Din  abd. Rahm n. 2003. *Tarikh Khulaf *. Bayr t: D r Ibn Hazm.

Sabri Mohamad, Mohd Faizul Amri Mohd Saad. 2010. *Dinamika Ilmu Qira at Qur aniyyah*. Jab. Pengajian al Qur an dan al Sunnah fakulti pengajian Islam. UKM.

Siddiq Manshawi. T.th. *Qam s Mus alah t Had th al-Nabawi*. Kaherah: D r al-Fad lah.

al-Tirmidhi, Abu  Isa, Muhammad bin Sawrah, *Jami  al-Sahih*. t.th. Tahkik Nasiruddin al-Albani. Bayrut: Maktabah al-Ma arif,

al-Zahr ni, Abd H di bin  Ali. 2008. *Ikhtiy r t Ab  Ja far al-Nahh s fi al-Tafs r*. Tesis Dr. Fal, Universiti Um al-Qura, Makkah al Mukarramah.

al-Zamakhshari, Abu al-Qasim, Mahmud bin  Amru. 1986. *Al-Kashsh f  an Haq iq Ghaw mi  al-Tanz l*. Bayr t: D r al Kit b al- Arabi. Jil 2.

al-Zubaidi, Abu Bakr Muhammad bin al-Hasan, T.th. *Tabaqat al-Nahwiyyin wa al-Lughawiyyin*. Cet. 2. Egypt: Dar al-Ma arif.

al-Zuhayli, Wahbab bin Mus afa. 1998. *Al-Tafs r al-Mun r fi al-Aq dah wa al-Shar c ah wa al-Manhaj*. Damshik: D r al-Fikr. Jld. 17.

[www.mehesen.com/info.html](http://www.mehesen.com/info.html), [23 Mac 2011].